



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***INTERPRETASI UNSUR INTRINSIK BERDASARKAN
NILAI MURNI IMAM AL-GHAZALI DALAM TEKS KALILAH WA DIMNAH***

RAIHAN BINTI MARZUKI

FBMK 2018 35



**INTERPRETASI UNSUR INTRINSIK BERDASARKAN
NILAI MURNI IMAM AL-GHAZALI DALAM TEKS
*KALĪLAH WA DIMNAH***

Oleh

RAIHAN BINTI MARZUKI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

November 2017

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



**Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**INTERPRETASI UNSUR INTRINSIK BERDASARKAN
NILAI MURNI IMAM AL-GHAZALI DALAM TEKS
*KALĪLAH WA DIMNAH***

Oleh

RAIHAN BINTI MARZUKI

November 2017

Pengerusi : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Situasi pergolakan yang melanda kerajaan Abbasiyyah telah mendorong ^cAbdullah bin al-Muqaffa^c menggerakkan usaha menterjemah karya *Kalīlah Wa Dimnah* (KWD) dari bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab. Usaha tersebut bertujuan mengembalikan kesedaran para pemimpin serta masyarakat Abbasiyyah dengan menjadikan karya KWD sebagai ‘medium’ mendidik dan menyalurkan nilai murni. Karya KWD merupakan karya klasik arab yang terkenal dan memiliki pengaruh besar dalam sejarah kesusasteraan Islam. Kemunculannya telah memacu gaya penulisan prosa Arab menggunakan dialog dan watak haiwan sebagai latar dengan tujuan memperbaiki dan membina akhlak manusia. Keistimewaan ini menjadikan karya KWD memiliki nilai peradaban yang tinggi dan tarikan yang tersendiri. Kajian berbentuk kajian kepustakaan ini menggunakan kaedah *kualitatif deskriptif*. Pendekatan semantik *struktural* berdasarkan teori *Stukturalisme* yang diperkenalkan oleh Ferdinand De Saussure digunakan bertujuan menginterpretasi unsur intrinsik yang membina karya bagi mendapatkan satu naratif deskriptif yang bermakna. Matlamat akhir pendekatan Al-Imam al-Ghazali r.a. dijadikan rujukan untuk menunjukkan manfaat karya KWD khususnya dalam mendidik jiwa menerusi penerapan nilai murni yang menjadi tunjang pembentukan akhlak manusia sejagat. Untuk itu, tema yang mengandungi nilai murni ditafsir dan diklasifikasi berdasarkan elemen pembinaan akhlak yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a menerusi kitab *Ihyā’^cUlūm al-Dīn*. Pelbagai aspek nilai murni dikenalpasti dan diklasifikasi bersandarkan empat elemen penting iaitu *al-Hikmah* (kebijaksanaan), *Al-Shajā’ah* (keberanian), *Al-^cIffah* (kesucian) dan *al-^cAdl* (keadilan). Metode analisis data melibatkan analisis kandungan teks digunakan bagi mendapatkan kesimpulan terperinci tentang hubungan unsur intrinsik dengan pecahan nilai murni yang terkandung di dalam setiap gagasan pemikiran yang cuba diketengahkan. Dapatan kajian menunjukkan gabungan antara semantik *struktural* dan pendekatan Al-Imam al-Ghazali r.a ke atas makna teks membawa kepada penemuan nilai murni dalam konteks yang lebih luas, mengaitkan hubungannya dengan kepelbagaian tema yang diinspirasi pengarang, penggunaan watak yang mewakili kepelbagaian sikap dan perbezaan latar suasana yang boleh dilihat dari aspek yang berbeza. Keunikan unsur intrinsik yang diolah dalam menyampaikan setiap gagasan

dan saranan dalam bentuk nilai murni, sangat bermanfaat dan bersesuaian untuk pembentukan akhlak insan masa kini. Di samping mengetengahkan keupayaan prosa Arab berbentuk cerita (*al-Qiṣṣah*) sebagai medium penting dalam pembentukan akhlak, ia bagi memastikan kelangsungan mesej yang dibawa dapat diterjemah dengan jelas untuk kefahaman dan manfaat para pembaca.

Kata kunci: *Kalīlah Wa Dimnah*, Al-Imam al-Ghazali r.a, zaman Abbasiyyah, nilai murni.



**Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in
fulfilment of the requirement for the Doctor of Philosophy**

**THE INTRINSIC INTERPRETATION OF
IMAM AL-GHAZALI'S POSITIVE VALUES IN THE TEXT OF
*KALĪLAH WA DIMNAH***

By

RAIHAN BINTI MARZUKI

November 2017

Chair : Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD
Faculty : Modern Languages and Communication

The crisis situation that hit the Abbasid empire has created a deep passion to °Abdullah bin Al-Muqaffa° to initiate the efforts to translate the book of *KalĪlah Wa Dimnah* (KWD) from Persian into Arabic. The purpose of the translation is to restore awareness amongst the leaders and the community by using the book KWD as a 'medium' to educate and disseminate values. KWD is a well-known classical Arabic work that has a major influence in the history of Islamic literature. Its presence has spurred Arabic prose writing style using dialogue and animal characters as a background with the aim of improving and developing human morality. This makes KWD as having the highest civilizational values and attractions of its own. This study is a descriptive qualitative study. Structural semantics based on the theory of Stucturalism introduced by Ferdinand De Saussure is used to interpret the intrinsic elements that build the work to obtain a meaningful descriptive narrative. Finally, Al-Imam al-Ghazali's approach is used as a reference to show the benefits of the book KWD especially in educating people through the application of moral values which is the backbone of moral development of mankind. This study aims to investigate aspects of the moral values found in the book of KWD using the elements of moral values introduced by Al-Imam al-Ghazali r.a. in his book, *Ihyā' °Ulūm al-Dīn*. The text content analysis is used to obtain detailed conclusions about the relationship between the intrinsic elements and the classification identified in every point raised. Various aspects of moral values have been identified and classified based on the four key elements, namely as *al-Hikmah* (wisdom), *Al-Shajā'ah* (courage), *Al-°Iffah* (purity) and *al-°Adl* (justice). The findings show that the combination of structural semantics and Al-Imam al-Ghazali's approach to interpret the meaning of the text leads to the discovery of pure values in a wider context, its relation to the diversity of the themes inspired by the author, and the use of characters representing the diversity of attitudes and the different background setting

seen from different aspects. The uniqueness of the intrinsic elements used in conveying ideas and suggestions in the form of pure value, is very beneficial and appropriate for the formation of human beings today. In addition to highlighting the capabilities of Arabic prose (*al-Qiṣṣah*) as an important medium in the formation of character, it also ensures the continuity of the message conveyed can be translated for the understanding and benefit of the readers.

Keywords: *Kalīlah Wa Dimnah*, Al-Imam al-Ghazali r.a, the Abbasid era, moral values.



PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, segala pujian dipanjatkan ke hadirat Allah SWT. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, seluruh ahli keluarga Baginda, para sahabat, muslimin dan muslimat yang mendapat hidayahNya hingga ke hari akhirat.

Kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT kerana dengan kurniaan dan 'inayahNya menganugerahi saya kekuatan dan kesihatan untuk menyempurnakan kajian ini bagi memenuhi syarat penganugerahan ijazah Doktor Falsafah dalam Pengajian Bahasa Arab.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada barisan jawatankuasa penyeliaan tesis yang sangat saya hormati; Dr. Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, Dr. Muhd Zulkifli b. Ismail dan Dr. Nik Farhan bt. Mustapha di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, buah fikiran, dan keprihatinan yang diberikan sepanjang tempoh pelaksanaan kajian sehinggalah kajian ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Juga ucapan ribuan terima kasih kepada barisan Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis; Dr. Mohd. Sukki bin Othman, Prof. Madya Dr. Abd. Rauf bin Hassan, Prof. Madya Dr. Zamri bin Arifin dan Prof. Madya Dr. Mohammad bin Seman yang membantu dalam menambahbaik kajian ini serta seluruh kakitangan dan para pensyarah Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) yang banyak membantu sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Jutaan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang telah memberi saya peluang menyambung pengajian di peringkat ini. Tidak dilupakan juga kepada seluruh warga Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM, Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM dan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor Daerah Hulu Langat yang menyumbang pelbagai bantuan dan kemudahan dalam menyiapkan kajian ini.

Seterusnya setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan buat ayahanda dan bonda yang dikasihi Prof. Dato' Dr. Marzuki bin Haji Mahmood dan bonda Datin Rahmah binti Mahmud yang tidak jemu-jemu mendoakan, meniupkan semangat dan menjadi sumber inspirasi kepada saya untuk meneruskan perjuangan; dahulu, kini dan selamanya. Buat anakanda yang disayangi; Ammar, Awatif, Aish Naufal dan Alya, jutaan terima kasih kerana kalian amat memahami, menjadi tulang belakang dan kekuatan dalam merealisasikan cita-cita ini. Begitu juga kepada seluruh ahli keluarga yang dikasihi; Kekanda Dr. Salwa, Pn. Nariman, Pn. Noorul Izzah dan adinda Muhd. Loqman serta pasangan yang tidak pernah berputus asa memberikan

dorongan buat pembakar semangat kepada saya sehingga ke penghujung penulisan kajian.

Akhir kata, harapan saya agar usaha dan kerjasama semua pihak dapat diterima dan diberi ganjaran sebagai sebahagian daripada amal kebajikan oleh Allah SWT. Sesungguhnya segala kelemahan dan kekurangan datangnya daripada diri saya sendiri kerana sesuatu yang sempurna itu hanya milikNya jua. Sekian, Terima kasih. Allahu Waliyyu al-Taufiq.

RAIHAN DATO' DR. MARZUKI



Saya

mengesahkan



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Pabiyah Hajimaming @ Pabiyah Toklubok, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Muhd. Zulkifli Ismail, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nik Farhan Mustapha, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia.

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuklah buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakui bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	viii
SENARAI TRANSLITERASI	xiv
SENARAI JADUAL	xviii
SENARAI GAMBAR RAJAH	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
BAB	
1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	3
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kepentingan Kajian	6
1.7 Batasan Kajian	7
1.8 Definisi Operasional	8
1.8.1 Unsur Intrinsik	8
1.8.2 Nilai Murni	9
1.8.3 Karya <i>Kalīlah Wa Dimnah</i>	9
1.9 Kesimpulan	9
2 SOROTAN KAJIAN	12
2.1 Pendahuluan	12
2.2 Konsep Semantik	12
2.2.1 Teori Strukturalisme	13
2.3 Penerapan Semantik ke atas genre sastera	16
2.4 Konsep Nilai Murni	17
2.5 Konsep Nilai Murni menurut perspektif Islam	20
2.6 Nilai Murni oleh Al-Imam al-Ghazali r.a	21
2.6.1 <i>Al-Hikmah</i> (Kebijaksanaan)	21
2.6.2 <i>Al-Shajā'ah</i> (Keberanian)	22
2.6.3 <i>Al-'Iffah</i> (Kesucian)	22
2.6.4 <i>Al-'Adl</i> (Keadilan)	23
2.7 Kajian Nilai Murni menurut Al-Imam al-Ghazali r.a	25
2.8 Kajian ke atas karya <i>Kalīlah Wa Dimnah</i>	26
2.8.1 Kajian Perbandingan	27
2.8.2 Kajian Penterjemahan	28
2.8.3 Kajian Lain terhadap karya <i>Kalīlah Wa Dimnah</i>	28
2.8.4 Kajian berkaitan cerita bertema haiwan	29
2.9 Analisis Kritikan	30
2.10 Kesimpulan	32

3	METODOLOGI KAJIAN	34
3.1	Pengenalan	34
3.2	Bahan Kajian	34
3.3	Rekabentuk Kajian	35
3.3.1	Pendekatan Kajian	36
3.3.2	Persampelan Data	37
3.3.3	Kerangka Teori	40
3.4	Penganalisan Data	41
3.4.1	Analisis 1: Analisis Struktural	42
3.4.2	Analisis 2: Analisis Nilai Murni	43
3.4.3	Analisis 3: Analisis hubungan antara unsur Intrinsik dengan Nilai Murni	43
3.5	Kesimpulan	44
4	DAPATAN KAJIAN	46
4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis 1: Analisis Struktural	46
4.2.1	Tema	46
4.2.2	Watak	52
4.2.3	Suasana	75
4.2.4	Amanat	92
4.3	Analisis 2: Analisis Nilai Murni	97
4.3.1	<i>Al-Ḥikmah</i>	97
4.3.2	<i>Al-Shajā'ah</i>	104
4.3.3	<i>Al-ʿIffah</i>	110
4.3.4	<i>Al-ʿAdl</i>	117
4.4	Analisis 3: Analisis hubungan antara Unsur Intrinsik dengan Nilai Murni	121
4.4.1	Hubungan unsur Tema dengan Nilai Murni	121
4.4.2	Hubungan unsur Watak dengan Nilai Murni	128
4.4.3	Hubungan unsur Latar Tempat dengan Nilai Murni	138
4.4.4	Hubungan unsur Latar Masa dengan Nilai Murni	144
4.4.5	Hubungan unsur Amanat dengan Nilai Murni	145
4.5	Kesimpulan	151
5	PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN	155
5.1	Pengenalan	155
5.2	Rumusan 1: Analisis Struktural	155
5.2.1	Unsur Tema	155
5.2.2	Unsur Watak	156
5.2.3	Unsur Latar Tempat	157
5.2.4	Unsur Latar Masa	158
5.2.5	Unsur Amanat	158
5.3	Rumusan 2: Analisis Nilai Murni	158
5.3.1	Elemen <i>Al-Hikmah</i>	158
5.3.2	Elemen <i>Al-Shajā'ah</i>	159
5.3.3	Elemen <i>Al-ʿIffah</i>	160
5.3.4	Elemen <i>Al-ʿAdl</i>	161

5.4	Rumusan 3: Analisis hubungan antara Unsur Intrinsik dengan Nilai Murni	162
5.4.1	Hubungan antara unsur tema dengan Nilai Murni	162
5.4.2	Hubungan antara unsur watak dengan Nilai Murni	163
5.4.3	Hubungan antara unsur latar tempat dengan Nilai Murni	165
5.4.4	Hubungan antara unsur latar masa dengan Nilai Murni	167
5.4.5	Hubungan antara unsur amanat dengan Nilai Murni	167
5.5	Kesimpulan	168
5.6	Cadangan	171
5.7	Penutup	172
	BIBLIOGRAFI	173
	LAMPIRAN	173
	BIODATA PELAJAR	181
	SENARAI PENERBITAN	186

SENARAI TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	,	سأل	Sa'ala
ب	B	بدل	Badala
ت	T	تمر	Tamr
ث	Th	ثورة	Thawrah
ج	J	جمال	Jamāl
ح	Ḥ	حديث	Ḥadīth
خ	Kh	خالد	Khālid
د	D	ديوان	Dīwān
ذ	Dh	مذهب	Madhhab
ر	R	رحمان/رحمن	Rahmān
ز	Z	زمزم	Zamzam
س	S	سراب	Sarāb
ش	Sh	شمس	Shams
ص	Ṣ	صبر	Ṣabr
ض	Ḍ	ضمير	Ḍamīr
ط	Ṭ	طاهر	Ṭāhir
ظ	Ẓ	ظهر	Ẓuhr
ع	C	عبد	°Abd
غ	Gh	غيب	Ghayb
ف	F	فقه	Fiqh
ق	Q	قاضي	Qāḍī

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ك	K	كأس	Ka's
ل	L	لبن	Laban
م	M	مزمارة	Mizmār
ن	N	نوم	Nawm
هـ	H	هبط	Habaṭa
و	W	وصل	Waṣl
ي	Y	يسار	Yasār

VOKAL

VOKAL PENDEK

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
اَ	A	فَعَلَ	Fa'ala
اِ	I	حَسِبَ	Hasiba
اُ	U	كُتِبَ	Kutiba

VOKAL PENDEK

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ى	Ā	كاتب، قاضى	kātib, qaḍā
ي	Ī	كريم	Karīm
و	Ū	حروف	Ḥurūf

DIFTONG

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ؤ	Aw	قَوْل	Qawl
ئ	Ay	سَيْف	Sayf
يَئ	iy	رَجْعِي	raj ^ʿ iy atau raj ^ʿ i
ؤ	uww	عُدُو	(di akhir) ʿaduww (di akhir) atau ʿadu (di akhir)

PENGECEUALIAN

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada “a” bukan kepada ’.

Contoh : أكبر Transliterasi: akbar bukan ‘akbar

2. Huruf Arab ة ، ة (ta’ marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan t.

Contoh : وزارة التعليم Transliterasi: wizārat al-ta’līm

Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir ta’ marbuta ditranliterasikan kepada h.

<u>Contoh</u>	<u>Transliterasi</u>
a. المكتبة الأهلية	al-Maktabah al-Ahliyyah
b. قلعة	qal’ah
c. دار وهبة	Dār Wahbah

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
2.1 Pendekatan Al-Imam al-Ghazali r.a dalam Pembinaan Akhlak	23
3.1 Tajuk cerita dalam karya KWD	49
3.2 Unit sampel yang dianalisis dari karya KWD	39
3.3 Kod-kod penganalisisan data	42
4.1 Jenis-jenis Latar Tempat	84
4.2 Jenis-jenis Latar Masa	91
4.3 Kategori Tema berdasarkan elemen <i>Al-Hikmah</i>	103
4.4 Kategori Tema berdasarkan elemen <i>Al-Shajā'ah</i>	109
4.5 Kategori Tema berdasarkan elemen <i>Al-'Iffah</i>	116
4.6 Kategori Tema berdasarkan elemen <i>Al-'Adl</i>	120
4.7 Analisis hubungan antara unsur Tema dengan Nilai Murni	127
4.8 Analisis hubungan antara unsur Watak dengan Nilai Murni	136
4.9 Analisis hubungan antara unsur Latar Tempat dengan Nilai Murni	142
4.10 Analisis hubungan antara unsur Latar Masa dengan Nilai Murni	145
4.11 Analisis hubungan antara unsur Amanat dengan Nilai Murni	149

SENARAI GAMBAR RAJAH

Rajah		Muka surat
3.1	Langkah Penganalisisan Data	44
4.1	Tema atau <i>Al-Mawḍiʿ</i> dalam KWD	52
4.2	Jenis-jenis <i>Al-Shakhṣiyyah Al-Raʿīṣah</i>	67
4.3	Jenis-jenis <i>Al-Shakhṣiyyah Al-Thānawīyyah</i>	75
4.4	Amanat atau <i>Al-Tawṣīyah</i> dalam KWD	96



SENARAI SINGKATAN

KWD *Kalīlah Wa Dimnah*

Bab Pertama B1

Data Pertama D1

Lajur Pertama L1

muka surat ms

pnys. Penyusun

pnyt. Penyunting

ed. edisi, editor/ oleh

et al. dan pengarang-pengarang lain

t.th. tiada tarikh

t.tp. tiada tempat

t.pt. tiada penerbit

trj. Terjemahan

jil. jilid

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Aktiviti penulisan dan penterjemahan berkembang pesat pada zaman Abbasiyah (750-1258 M) (Al-Rāfi^{cī} 1968). Peluang telah banyak dibuka kepada masyarakat bukan Arab untuk bergiat secara aktif dalam kegiatan penulisan dan penterjemahan samada dalam bidang sastera mahupun intelektual. Oleh hal yang demikian, sastera dan peradaban masyarakat Abbasiyyah ketika itu telah banyak mendapat sentuhan daripada pengaruh luar terutamanya daripada Yunani, Parsi dan India (Zakariyyā t.th; Al-Maqdisī 1946). Buktinya, khalifah Al-Ma'mun menggalakkan cendekiawan dalam pelbagai bidang menterjemah kitab-kitab sastera, tafsir, Hadis, ilmu perubatan, ilmu falaq, ilmu tarikh, ilmu falsafah, ilmu matematik, ilmu mantiq dan sebagainya dari bahasa asing ke dalam bahasa Arab (Khalifah 1931). Justeru, pelbagai manuskrip ilmiah dan kesusasteraan dari tamadun asing seperti Rom, Greek, Mesir Kuno, Parsi, Yunani, India dan China telah diterjemah dan diasimilasikan ke dalam bahasa Arab (Zakariyyā t.th; Ahmad Shalabī 1970). Pada masa yang sama mereka turut diberikan imbuhan yang lumayan seperti ganjaran emas (Khalifah 1931). Perkembangan ini secara tidak langsung telah melahirkan ramai tokoh penterjemah yang terkenal seperti Al-Nasturi Jurjis bin Bakhtisyuk (771M), Bakhtisyuk bin Jurjis (801M), Al-Hajjāj bin Yūsuf al-Mattār (833M), Abu Yahya bin al-Batrak dan °Abdullah bin Al-Muqaffa° (724M). Aktiviti penterjemahan telah membawa masuk pengaruh asing ke dalam masyarakat Arab. Menerusi bidang sastera, kewujudan karya *Kalīlah Wa Dimnah* (KWD) menjadi bukti wujudnya interaksi budaya antara bangsa Arab dengan India (Al-Rāfi^{cī} 1968).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kerajaan Abbasiyyah berkembang selama lima kurun, iaitu selama 524 tahun. Pemerintahan kerajaan Abbasiyyah bermula dari tahun 132H namun runtuh pada tahun 656H dengan serangan Tatar dibawah pimpinan Hulagu sehingga menghancurkan Baghdad dan membawa kepada pembunuhan Khalifah Al-Mu'tasim; khalifah terakhir Abbasiyyah (Ibn Khaldūn 1971; Khalifah 1931). Al-Suyūṭī (1969) dan Khalifah (1931) menyebut kejatuhan kerajaan adalah disebabkan oleh kelemahan para pemerintahnya sendiri. Sikap mendahulukan kepentingan peribadi tanpa mempedulikan nasib rakyat menjadi faktor kejatuhan kerajaan Abbasiyyah. Jawatan penting dalam pentadbiran negara dikuasai oleh bangsa asing seperti Turki dan Parsi (Al-Hamdhānī 1960; Khalifah 1931; Zakariyyā t.th). Fenomena yang berlaku telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan bangsa Arab sendiri. Kerajaan Abbasiyyah dikatakan bertambah lemah dan berpecah kepada wilayah-wilayah kecil. Baghdad dikuasai kerajaan Abbasiyyah sendiri, Maghribi dikuasai oleh kerajaan Fatimiyyah dan Andalus oleh kerajaan Umawiyyah (Al-Rāfi^{cī} 1968). Penularan gerakan pemisah daripada kalangan Syiah dan Khawarij dan kemunculan pelbagai aliran fahaman seperti *Zandaqah* telah memburukkan lagi keadaan (Ibn Khaldūn 1971; Khalifah 1931).

Melihat situasi negara yang bergolak, pelbagai cubaan dilakukan oleh tokoh ilmuan pada zaman tersebut bagi mengembalikan kesedaran dalam kalangan para pemerintah. Justeru, pelbagai kritikan dan nasihat diluahkan dalam bentuk penulisan (Al-Ḥurr 1992). Di antaranya adalah dengan menyalurkan nilai murni menerusi penulisan dan penterjemahan karya sastera samada dalam bentuk prosa mahupun syair (Ḍayf 1996). Antara penulisan bercorak nasihat dan terangkum di dalamnya nilai-nilai murni adalah karya terjemahan seorang sasterawan Arab tersohor pada zaman Abbasiyyah iaitu °Abdullah bin Al-Muqaffa° (106H-142H). °Abdullah bin Al-Muqaffa° atau nama sebenar beliau *Rauzabah bin Dadawih* (Al-Tunjī 1993) atau *Ruzbih* (Ibn Nadīm t.th) berasal dar Parsi dan digelar sebagai *Ibn al-Muqaffa°* merupakan seorang pemikir Islam dan penulis yang masyhur (Ibn Khaldūn 1971) yang hidup pada dua zaman; iaitu pada akhir pemerintahan kerajaan Umawiyah dan pada awal pemerintahan kerajaan Abbasiyah. Beliau terkenal sebagai pelopor prosa Arab (Mūdūr 1902; Al-Rafi°ī 1968). Kemasyhuran beliau terserlah apabila mula menterjemah karya KWD dari bahasa Parsi ke dalam bahasa Arab (Al-Fākhūrī 1991). Karya KWD asalnya dikenali sebagai ‘*Panchatantra*’ dalam kalangan masyarakat Hindu (Al-Subāyil 2007). Ia merupakan karya asal Hindu yang dikarang oleh ahli falsafah India bernama *Baydabā* dalam bahasa Sanskrit untuk Maharaja *Dabshalīm*, raja India pada abad ke-3 SM. Karya terjemahan ini kemudiannya telah diterjemah ke dalam bahasa Parsi Kuno dan bahasa Suryani, sebelum diterjemahkan oleh °Abdullah bin Al-Muqaffa° ke dalam bahasa Arab dan diberi nama *Kalīlah Wa Dimnah* (Baydabā t.th; Al-Suyūṭī 1969). Karya KWD merupakan karya sastera klasik dalam bentuk cerita-cerita teladan bertemakan cerita haiwan dan sarat dengan nilai murni (Mūdūr 1902; Shalabī 1970:246).

Usaha °Abdullah bin al-Muqaffa° menterjemah KWD sudah tentulah bukan sekadar memenuhi tuntutan khalifah atau bertujuan mendapatkan imbuhan semata-mata. Lebih jauh dari itu, usaha tersebut didorong oleh satu matlamat murni, sesuai dengan tabiat KWD itu sendiri yang sarat dengan nilai murni, politik dan kemasyarakatan. Menurut Jamil Mudur (1902) dan K. Bertens (2007), penulisan °Abdullah bin Al-Muqaffa° dalam karya KWD adalah untuk tujuan politik dan berbentuk kritik sosial, untuk mengkritik para penguasa Abbasiyah di samping menggambarkan realiti sebenar yang berlaku pada masa itu. Pergolakan yang melanda negara dan keadaan politik yang kacau bilau telah memberi ilham dan menimbulkan semangat mendalam kepada °Abdullah bin Al Muqaffa° untuk menterjemah KWD. Sebagaimana karya KWD asalnya dikarang untuk dipersembahkan kepada pemerintah India yang zalim, maka begitulah juga langkah yang diambil oleh °Abdullah bin Al-Muqaffa°. Usaha penterjemahan karya tersebut ditujukan khusus kepada khalifah Abbasiyyah, Khalifah Abu Jaafar al-Mansur dan masyarakat Abbasiyyah amnya (Al-Fākhūrī 1991). Al-Hamdhānī (1960) dan Al-Thubaitī (2006) menyebut, lahirnya rasa tidak puas hati dalam kalangan rakyat adalah disebabkan oleh tekanan dan kemelaratan hidup, serta penyelewengan yang dilakukan oleh pemerintah Abbasiyyah. Justeru, °Abdullah bin Al-Muqaffa° mengambil langkah menterjemah KWD sebagai usaha menjadikan karya tersebut ‘medium’ bagi mendidik jiwa dan memperbaiki akhlak pemimpin serta masyarakat Abbasiyyah umumnya. Walaupun menghadapi banyak kekangan dalam menterjemah karya tersebut, usaha tetap diteruskan dengan harapan minda pemimpin dan masyarakat terdidik dengan nilai murni yang tersurat di sebalik paparan cerita-cerita haiwan yang dimuatkan dalam KWD (Puriyadi 2010).

Seorang penyair terkenal pada zaman khalifah Hārūn Al-Rashīd, *Abbān bin ʿAbd al- Hamīd al-Lāḥiqī* telah melakarkan kehebatan karya KWD dengan mencipta empat belas ribu bait syair tentangnya (Al-Tunjī 1993). Antara bait syair tersebut berbunyi (Al-Aṣbahānī 1956; Majdi Wahbah 1984: 213):

هَذَا كِتَابٌ أَدَبٍ وَمِخْنَةٌ	□ □	وَهُوَ الَّذِي يُدْعَى كَلِيلَهُ دِمْنَةٌ
فِيهِ دَلَالَاتٌ وَفِيهِ رُشْدٌ	□ □	وَهُوَ كِتَابٌ وَضَعَتْهُ الْهِنْدُ
فَوَصَفُوا آدَابَ كُلِّ عَالَمٍ		حِكَايَةً عَنِ أَلْسِنِ الْبَهَائِمِ
	□ □	

Yang membawa maksud (Raihan 2016):

- i) Kitab ini ialah kitab sastera dan ujian, dan ia dipanggil *Kalīlah dan Dimnah*.
- ii) Di dalamnya ada bukti dan juga petunjuk, dan ia sebuah kitab yang dikarang oleh kaum India.
- iii) Mereka menggambarkan sastera seluruh dunia, cerita tentang (menggunakan lidah) haiwan.

Secara ringkas, ternyata KWD merupakan karya ilmiah yang tinggi nilai keintelektualannya. Menurut Mahadhir Radzi (2008), KWD diolah dalam bentuk yang ringan, manakala idea yang dicetuskan pada setiap bab merangkumi pelbagai aspek nilai murni yang diketengahkan dalam bentuk cerita teladan menggunakan watak haiwan sebagai perantara. Sebagai contoh, di sebalik cerita *Al-Muṭawwaqah* pengarang secara tidak langsung ingin mendidik pembaca agar mencontohi watak seekor merpati yang sentiasa ikhlas dan sanggup bекorban mendahulukan insan lain dalam kehidupannya (Al-Fākhūrī 1991). Ternyata, cerita-cerita dalam karya KWD perlu dikaji secara lebih akademik dan bersistematik sehingga nilai murni yang tersirat dapat diketengahkan untuk dimanfaatkan oleh para pembaca. Untuk memahami makna teks dalam karya KWD tidak cukup dengan menggunakan andaian sahaja, untuk itu kajian linguistik yang mengkhususkan kepada penyelidikan makna atau *semantik* diperlukan dan menjadi fokus penelitian.

1.3 Pernyataan Masalah

Nilai murni perlu dititik beratkan dalam penulisan sesebuah karya sastera. Hal demikian kerana nilai dan sastera merupakan dua komponen yang tidak boleh dipisahkan. Menurut Kamariah Kamaruddin (2009) sesebuah karya sastera bukan sekadar menyampaikan cerita, malah berperanan besar mencorakkan keperibadian masyarakat pembaca. Justeru dilihat, masyarakat Arab sejak zaman Jahiliyyah berkarya sebagai salah satu cara mendidik dan menyampaikan nilai murni. Bagaimanapun, mereka lebih cenderung menggunakan syair berbanding prosa arab atau *al-nathar* dalam merealisasikan matlamat tersebut (Abū Khuḍārī 2007). Kajian oleh Al-Said Shanūqah (2008), Ilyās (2008), Abū Khuḍārī (2007), Sāleh Adam Bilo (2006) dan ʿIzz al-Dīn Ismāʿīl (1975) menunjukkan bahawa kebanyakan sasterawan

Arab memilih syair sebagai medium untuk menyampaikan mesej, kritikan dan nilai murni.

Meskipun begitu, pandangan Dayf (1966) turut menarik perhatian. Menurut beliau, para sasterawan khususnya pada zaman Abbasiyyah turut menyampaikan nasihat dan kritikan menerusi penulisan prosa kerana ia lebih mudah digunakan untuk meluahkan pelbagai bentuk perasaan dan mesej, berbanding syair yang lebih terikat dengan susunan kata-kata yang mengandungi *al-wazan* dan *al-qāfiyah*. Pernyataan ini dikuatirkan dengan pandangan bahawa prosa Arab yang dihasilkan pada zaman Abbasiyyah dan dikenali sebagai *Al-Rasā'il al-Adabiyah* (Al-Rafī'ī 1968) turut diadun dengan unsur nasihat seperti nilai murni, kata-kata hikmah dan perumpamaan (Murawwah 1990). Walau bagaimanapun, kajian sebelum ini menunjukkan bahawa usaha bagi membuktikan keupayaan prosa Arab berbentuk cerita sebagai 'medium' dalam menyalurkan nilai murni kepada masyarakat masih kurang dijalankan (Ismail Hamid 1992). Puriyadi (2010) menegaskan bahawa kajian terhadap karya berbentuk etika Islam terutama terhadap karya etika berbentuk sastera fabel masih kurang dilakukan. Barakat (2010) turut melontarkan pandangan yang sama, sedangkan seiring dengan perkembangan teknologi dan ledakan maklumat, keperluan kajian analisis khususnya ke atas nilai murni yang mungkin terkandung di dalam sesebuah karya sastera penting untuk tujuan membentuk perilaku manusia ke arah yang lebih baik.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan KWD, sebuah prosa klasik Arab berbentuk cerita (*Al-Qiṣṣah*) sebagai 'medium' yang turut berperanan sebagaimana syair dan membuktikan keupayaannya dalam menyalurkan nilai murni bagi manfaat para pembaca dan masyarakat amnya. Pemilihan KWD sebagai bahan kajian ini sesuai dengan tujuan asalnya untuk menegur dan menerapkan nilai murni kepada pemerintah dan masyarakat (Al-Thubaitī 2006). KWD didatangkan oleh °Abdullah bin Al-Muqaffa° dengan idea dan garapan yang mendalam serta unsur retorik yang luar biasa sebagai cara menasihati pemerintah, menjelaskan cara mentaati pemerintah, mendapatkan hak politik dan menyeru individu dan masyarakat kepada akhlak mulia (Al-Thubaitī 2006). Selain keunikan tema haiwan yang digunakan, cerita dalam karya KWD dipersembah dalam bentuk *al-ḥiwār* (dialog) yang digambarkan sangat membantu dalam memaksimumkan proses penerimaan dan penghayatan nilai murni dalam kalangan pembaca. Kajian oleh Al-Ḥāyik (1990) menunjukkan unsur nilai yang tersurat dalam sesebuah cerita yang diolah dalam bentuk *al-ḥiwār* dapat dicerna pembaca sebanyak 69.90% berbanding hanya 51.46% jika ianya diolah dalam bentuk penceritaan langsung. Dengan mengambil kira hasil kajian tersebut, penyelidik mendapati cerita dalam karya KWD adalah berbentuk *al-ḥiwār* dan hampir menepati konsep tersebut dalam memaksimumkan pencernaan dan penghayatan nilai murni dalam kalangan pembaca.

Melusuri pembacaan sebelum ini, beberapa kajian sarjana Arab telahpun dijalankan ke atas KWD. Namun kajian yang dijalankan oleh Al-Subāyil (2007), Rahmawati (2004) dan Najjād (1967) lebih berbentuk analisis terjemahan dan perbandingan terhadap terjemahan teks dari KWD. Analisis dijalankan bagi melihat perbezaan dan persamaan dalam struktur naratif, watak, plot, suasana, dialog, dan teknik naratif. Meskipun sebahagiannya turut menyentuh aspek nilai murni, namun tidak diberi penekanan sebaliknya diuraikan secara umum melibatkan sebahagian kecil bab sahaja

yang dipilih dari KWD. Justeru penyelidik berpandangan bahawa karya KWD masih tidak diberi tumpuan secara meluas oleh para pengkaji bahasa memandangkan ia lebih terkenal sebagai bahan hiburan bertema haiwan yang sesuai untuk bacaan kanak-kanak. Oleh yang demikian, satu penelitian khusus perlu dijalankan dalam konteks pemerolehan bahasa bagi meneroka aspek nilai murni yang terkandung dalam karya KWD untuk manfaat bersama. Namun, perbezaan kajian ini berbanding kajian lepas adalah menerusi pendekatan yang dipilih. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, penyelidik akan menggunakan *Teori Strukturalisme* oleh Ferdinand De Saussure dan pendekatan yang dibawa oleh Al-Imam al-Ghazali r.a untuk mengenalpasti dan menginterpretasi nilai murni yang ingin dicerna oleh ^cAbdullah bin Al-Muqaffa^c menerusi kitab terjemahan beliau untuk tatapan pembaca.

Pemilihan *Teori Strukturalisme* oleh Ferdinand De Saussure adalah relevan disebabkan ia mengandungi langkah yang sistematik dan lebih terarah pada tujuan yang jelas dalam memahami makna kata dengan lebih baik. Teori ini telah digunakan untuk tujuan menemukan struktur yang mendasari sesebuah karya dengan memberi perhatian sepenuhnya pada keseluruhan sistem dan struktur teks itu sendiri (De Saussure 2011; Culler 1986). Analisis struktural yang dilakukan tidak hanya memberi informasi berkaitan struktur intrinsik yang membina karya, malah menekankan fungsi struktur intrinsik tersebut dalam memberi pemahaman tentang nilai murni yang tersirat. Manakala pendekatan yang dibawa oleh Al-Imam al-Ghazali r.a pula mengemukakan empat elemen utama iaitu (Al-Ghazali t.th); *al-Hikmah* (Kebijaksanaan), *Al-Shajā'ah* (Keberanian), *Al-^cIffah* (Kesucian) dan *al-^cAdl* (Keadilan) yang menjadi dasar dalam pembentukan peribadi mulia dan berupaya menjelaskan unsur-unsur nilai murni secara terperinci. Kedua-dua teori dan pendekatan yang dipilih apabila digabungkan menerusi kajian ini mampu merungkai dengan jelas aspek nilai murni yang tersirat, sekaligus menonjolkan keunikan KWD dalam memaparkan nilai murni menerusi pemilihan tema, watak, suasana dan amanat yang cuba diketengahkan oleh pengarang.

Kesemua cerita dalam karya KWD mengandungi nilai murni yang sangat berharga dan tidak harus diketepikan. Lihat sahaja kedudukan karya KWD pada zaman ahli falsafah *Baydabā* dan semasa pemerintahan Abbasiyyah. Jelas menunjukkan, andai nilai murni yang tersurat di dalam setiap cerita dibawa ke dalam realiti masyarakat muslim dewasa ini, maka karya KWD tidak kehilangan fungsinya, sebaliknya akan turut dinobatkan sebagai medium mendidik jiwa yang sesuai dengan setiap golongan dan lapisan masyarakat dari pelbagai generasi dan zaman.

1.4 Objektif Kajian

Berdasarkan perbincangan di atas, kajian ini bertujuan untuk:

- 1) Menenalpasti unsur intrinsik yang digunakan berdasarkan teori *Strukturalisme* di dalam karya KWD.
- 2) Mengkategorikan tema yang mengandungi nilai murni berdasarkan pendekatan Al-Imam al-Ghazali r.a di dalam karya KWD.
- 3) Menganalisis hubungan antara unsur intrinsik yang membina karya dengan nilai murni yang terkandung dalam karya KWD.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang akan dijawab melalui kajian ini adalah seperti berikut:

- 1) Adakah unsur intrinsik yang membina karya terdapat dalam cerita yang terkandung dalam KWD?
- 2) Apakah kategori tema yang mengandungi nilai murni yang terkandung dalam karya KWD?
- 3) Bagaimanakah hubungan antara unsur untrinsik yang membina karya dengan nilai murni yang terkandung dalam KWD ?

1.6 Kepentingan Kajian

Matlamat akhir sesuatu penulisan karya haruslah menunjukkan manfaat dan kebergunaan dalam mendidik dan membentuk sifat kemanusiaan berdasarkan prinsip-prinsip ketauhidan kerana akhlak yang mulia menjadi tunggak utama berkembangnya peradaban suatu masyarakat dan bangsa (Mahadhir Radzi 2008; Nuryadin 2008). Justeru, penggunaan karya sastera berunsur teladan penting dalam menyampaikan nilai murni kepada masyarakat kerana makna yang terkandung dalam sesebuah karya berperanan dalam pembentukan peribadi yang murni (Mohd. Shahrizal Nasir 2011). Kajian oleh Barakāt (2010) menunjukkan bahawa cerita teladan menduduki tempat teratas sebagai medium mendidik individu sejak peringkat awal. Justeru, usaha penterjemahan karya KWD bukanlah satu usaha yang sia-sia, malah ia merupakan kerja makruf dengan membawa mesej berguna untuk masyarakat. Banyak penemuan dan pemanfaatan gaya bahasa digunakan oleh pengarang KWD dalam menyampaikan setiap gagasannya untuk tujuan mendidik jiwa dan membentuk akhlak mulia. Namun persoalannya, bagaimanakah cerita yang terkandung dalam karya KWD dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembaca?. Adakah karya KWD sekadar bahan tatapan bagi penggemar hiburan atau lebih jauh, mampukah ia mendidik jiwa masyarakat menerusi nilai murni yang tersirat di dalamnya?.

Bertitik tolak dari persoalan inilah kajian analisis struktural terhadap unsur intrinsik yang membina karya KWD secara tafsiran kualitatif akan memberikan pengertian sebenar terhadap makna perkataan yang digunakan menurut konteks yang dikaji. Analisis yang akan dijalankan mampu menunjukkan makna yang didukung oleh teks dengan memaparkan hubungan antara unsur struktural serta pengaruhnya dalam menganalisis nilai murni yang tersirat. Justeru, kajian ini penting untuk diteliti kerana sebahagian pembaca teks karya sastera Arab masih mengalami kesukaran terutamanya dalam mencerna makna teks serta memaksimumkan fungsi karya tersebut. Al-Mona (2008) menjelaskan, bagi mengekalkan maksud pengarang asal memerlukan kepada kemahiran dan penguasaan bahasa asal atau bahasa sumber dengan baik. Justeru dalam memahami makna teks yang sebenar, penguasaan terhadap bidang makna yang ingin diterjemahkan sangat penting.

Analisis yang dijalankan juga diharap dapat menepis tanggapan bahawa cerita haiwan hanya sekadar untuk dinikmati sebagai bacaan hiburan pengisi masa lapang semata-mata. Sebaliknya membuktikan bahawa cerita bertema haiwan seperti karya KWD

terkandung di dalamnya pelbagai nilai murni yang sesuai dijadikan medium pembentukan akhlak murni melibatkan pelbagai golongan dan lapisan masyarakat. Kajian ini juga diharap menjadi pendorong kepada karyawan untuk tetap meningkatkan kualiti penulisan mereka dalam rangka mendidik jiwa dan akhlak pembaca untuk membentuk insan yang lebih baik. Di samping hasil kajian dapat memperluas aspirasi pembaca sastera terhadap karya sastera arab, ia dapat memberi sedikit sebanyak informasi tambahan khususnya bagi kegunaan kajian-kajian yang akan datang dalam bidang sastera Arab di Malaysia.

Selain itu, penggunaan cerita dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan salah satu metode yang efektif untuk mencapai objektif P&P. Menurut Nurhasma (2012) golongan pembaca khususnya kanak-kanak memiliki kecenderungan terhadap cerita. Oleh yang demikian kajian ini dilihat dapat memberi sumbangan terhadap pendidikan bahasa arab agar memanfaatkan karya sastera klasik arab sebagai alternatif bahan bantu mengajar. Bagi mewujudkan kepelbagaian, alangkah menarik sekiranya cerita-cerita bertema haiwan yang mengandungi nilai murni turut dimuatkan sebagai teks bahasa Arab.

1.7 Batasan Kajian

Karya KWD menghimpunkan sebanyak 16 cerita. Manakala 5 cerita di dalamnya adalah hasil karangan asal falsafah India *Baydabā* iaitu cerita *بَابُ الْأَسَدِ وَالْثَوْرِ* (*Singa dan Lembu*), cerita *بَابُ الْحَمَامَةِ الْمُطَوَّقَةِ* (*Merpati Berkalung*), cerita *بَابُ الْبُؤْمِ وَالْغُرَبَانِ* (*Burung hantu dan Gagak*), cerita *بَابُ الْقِرْدِ وَالْغَيْلَمِ* (*Kera dan Kura-kura*) dan *بَابُ النَّاسِكِ وَأَبْنِ عَرَسٍ* (*Ahli Ibadah dan Serigala*) (Baydabā t.th). Manakala baki 11 lagi cerita merupakan cerita sisipan yang dikarang sendiri oleh ^cAbdullah bin Al-Muqaffa^c (Ismail 1998).

Melalui kajian ini penyelidik hanya memilih 9 cerita sahaja dari karya KWD untuk dikaji iaitu; *بَابُ الْأَسَدِ وَالْثَوْرِ* (Bab Singa dan Lembu), *بَابُ الْفَحْصِ عَنْ أَمْرِ دِمْنَةَ* (Bab Menyelidik Urusan Dimnah), *بَابُ الْحَمَامَةِ الْمُطَوَّقَةِ* (Bab Merpati Berkalung), *بَابُ الْبُؤْمِ وَالْغُرَبَانِ* (Bab Burung hantu dan Dua Ekor Gagak), *بَابُ الْقِرْدِ وَالْغَيْلَمِ* (Bab Kera Dan Kura-kura), *بَابُ النَّاسِكِ وَأَبْنِ عَرَسٍ* (Bab Ahli Ibadah Dan Musang), *بَابُ الْجُرْدِ وَالسِّنْتُورِ* (Bab Tikus Dan Kucing Hutan), *بَابُ الْأَسَدِ وَالشَّعْبِيرِ النَّاسِكِ وَهُوَ ابْنُ أَوْى* (Bab Singa Dan Serigala yang Zuhud) dan *بَابُ السَّائِحِ وَالصَّائِغِ* (Bab Musafir Dan Tukang Emas).

Menurut Syed Arabi Idid (2002), pemilihan sebahagian daripada keseluruhan sampel untuk sesebuah kajian sudah dianggap mewakili keseluruhan sampel dan akan menghasilkan kesimpulan yang sama. Justeru, pemilihan cerita dalam KWD adalah berdasarkan kepada tema utama yang mengandungi nilai murni yang berbeza bagi

setiap cerita yang dipilih. Hal demikian kerana sembilan cerita tersebut telahpun mewakili tujuh lagi cerita lain yang dimuatkan dalam karya KWD, satu bilangan yang mencukupi dari segi signifikasinya. Kesignifikanan yang dimaksudkan di sini adalah tema yang mengandungi nilai murni berbeza yang paling banyak mendominasi penceritaan. Tambahan lagi, kesembilan buah cerita yang dipilih turut mewakili tujuh lagi cerita lain yang mempunyai persamaan dari sudut temanya.

Bagi memperincikan perbincangan untuk mengkaji makna teks, penyelidik mengaplikasikan konsep semantik menggunakan *Teori Strukturalisme*. Dalam rangka menjawab persoalan kajian, analisis struktural dilakukan. Menurut Teuw (1984) menerusi penulisan beliau bertajuk *Sastra Dalam Ilmu Sastra: Pengantar Teori Sastra*, analisis struktural bertujuan untuk melihat dan memaparkan secara cermat, teliti, dan sedalam mungkin keterkaitan dan keterjalinan antara semua unsur dan aspek karya sastera yang bersama-sama menghasilkan makna secara menyeluruh. Fokus penyelidik dalam kajian ini adalah unsur intrinsik dalam karya KWD. Bagi mendapatkan data yang membawa kepada makna teks yang jelas, analisis dijalankan dengan menginterpretasi unsur-unsur intrinsik yang saling mendukung seperti tema (*Al-Mawḍiʿ*), watak (*Al-Shakhṣiyyah*), suasana (*Al-Bi'ah*) dan amanat (*Al-Tawṣiyyah*).

Menerusi kajian ini, teks korpus yang dipilih daripada karya KWD untuk tujuan analisis diterjemah sendiri ke dalam bahasa Melayu oleh penyelidik bagi meningkatkan kefahaman pembaca terhadap makna teks dan analisis yang dijalankan. Seterusnya penyelidik akan menginterpretasi data yang terhasil bagi mengkategorikan tema yang mengandungi nilai murni yang terdapat dalam cerita. Pengklasifikasian tema tersebut adalah berdasarkan kepada pendekatan yang dibawa oleh Al-Imam al-Ghazali r.a; melibatkan empat elemen dalam pembinaan akhlak muslim seperti *al-Ḥikmah* (Kebijaksanaan), *Al-Shajāʿah* (Keberanian), *Al-ʿIffah* (Kesucian) dan *al-ʿAdl* (Keadilan) (Al-Ghazali t.th). Seterusnya, analisis hubungan antara unsur intrinsik dengan nilai yang diklasifikasi akan dijalankan bagi mendapatkan satu rumusan dan kesimpulan terperinci terhadap pecahan nilai murni yang terkandung di dalam teks seperti nilai keikhlasan, kejujuran, kesabaran, kesyukuran, bertanggungjawab dan sebagainya. Hasil analisis data tersebut akan menyerlahkan faedah penceritaan dengan lebih jelas khususnya terhadap nilai murni yang cuba diketengahkan.

1.8 Definisi Operasional

Berikut dijelaskan beberapa definisi bagi perkataan atau ungkapan yang digunakan di dalam penulisan kajian ini:

1.8.1 Unsur Intrinsik

Unsur-unsur Intrinsik (*Al-ʿanāṣir al-dākhiliyyah*) merupakan unsur-unsur dalaman yang membina sesebuah karya sastera seperti tema, watak, suasana dan amanat.

1.8.2 Nilai Murni

Nilai baik yang perlu ada pada setiap individu supaya segala tindakan mereka tidak bertentangan dengan norma-norma sosial dan diterima oleh masyarakat sebagaimana yang digariskan dalam Islam. Ini termasuklah nilai seperti keikhlasan, kesetiaan, kejujuran, kesabaran, amanah, kesyukuran dan bertanggungjawab.

1.8.3 Karya *Kalīlah Wa Dimnah*

Karya KWD merupakan karya yang ditulis dalam bahasa Sanskrit oleh seorang ahli falsafah India dikenali sebagai *Baydabā*. KWD yang dikenali dengan nama *Panchatantra* oleh masyarakat India (Baydabā t.th) kemudiannya diterjemah ke dalam bahasa Parsi Kuno. ^cAbdullah bin Al-Muqaffa^c (106-142H/ 724-759M) seorang sasterawan Arab berasal dari Parsi merupakan individu yang bertanggungjawab menterjemah kitab tersebut dari bahasa Parsi Kuno ke dalam bahasa Arab dan memperkenalkannya dengan nama *Kalīlah Wa Dimnah* (Baydabā t.th; Davies 2003). Karya KWD tersebar luas dan dianggap sebagai karya Arab pertama dalam bidang akhlak kerana mengandungi pelbagai nasihat dan nilai murni dengan kaedah perumpamaan yang logik melalui dialog haiwan (Puriyadi 2010). Sehingga kini karya KWD telahpun diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa di dunia seperti bahasa Yunani, Perancis, Sepanyol, Itali, Belanda, Jerman, dan Inggeris. Menurut Lunde (1972), karya KWD turut diterjemah ke bahasa Greek, dan kemudian telah diterjemah ke dalam bahasa Latin, Old Church Slavic dan Jerman. Versi dalam Bahasa Arab turut diterjemah ke dalam bahasa Syria, Turki, Melayu, Jepun, Siam, dan Ethiopia. Pada abad ke 19, KWD telah diterjemah ke dalam bahasa Hindustan, sekaligus melengkapkan satu pusingan bulatan bermula sejak 1,700 tahun sebelum ini, di Kashmir. Usaha menterjemah karya KWD kepada pelbagai bahasa lain seperti bahasa Parsi, Syria, Tibet, Suryani (Mahadhir Radzi 2008), Latin, Syria, Greek, Sepanyol, Turki, Ibrani, dan bahasa Arab membuktikan bahawa karya tersebut telah memberi inspirasi kepada para sasterawan sama ada dari Timur mahupun Barat (Davies 2003).

1.9 Kesimpulan

Manhaj dan pemikiran ^cAbdullah bin Al-Muqaffa^c menerusi karya terjemahan beliau KWD bukan sahaja dinilai sebagai suatu sumbangan yang sangat penting dalam khazanah sastera Arab sejak beberapa dekad yang lalu, malah turut menarik minat para sarjana barat sehinggakan karya tersebut menjadi inspirasi kepada para sasterawan Barat dan dianggap sebagai titik pertemuan yang mempertemukan antara karya sastera Barat dan Timur (Mahadhir Radzi 2008).

Sesungguhnya, usaha ^cAbdullah bin Al-Muqaffa^c menterjemah karya KWD untuk dimanfaatkan sepenuhnya adalah murni dan patut diberikan perhatian khusus. Kesedaran beliau untuk memperbaiki jiwa di samping sikap pemimpin serta masyarakat Abbasiyyah yang dilihatnya semakin menyimpang daripada nilai-nilai

murni dan sejagat juga wajar dihargai. Dengan rasa penghargaan inilah, kajian ini diusahakan dengan harapan supaya kesedaran murni ini dapat dicerna pembaca dari semua golongan lapisan masyarakat. Hal inilah yang menjadi tujuan utama yang ingin dicapai oleh pengarang asal karya KWD; iaitu agar para cerdik pandai menggali kandungan terdalamnya untuk dijadikan pengajaran kepada para penguasa tanpa menyinggung perasaan dan harga diri mereka (Baydabā t.th).

Ilmu dan nilai keintelektualan yang terkandung di dalam karya KWD memerlukan kepada tafsiran. Kajian secara ilmiah ke atas makna teks dalam karya KWD akan merungkai objektif kajian dan membawa kepada penemuan nilai murni yang jelas. Justeru itu, penyelidik menjalankan kajian semantik dengan menjadikan teori *Strukturalisme* oleh *Ferdinand De Saussure* sebagai landasan bertujuan menginterpretasi unsur intrinsik yang membina makna teks di dalam karya KWD. Teori *Strukturalisme* yang dipilih menjadi teori ilmiah yang sesuai dan relevan dalam kajian ini; yang bersifat intelektual, memiliki langkah-langkah yang sistematik dan terarah pada tujuan yang jelas untuk mencapai satu kesimpulan yang bermanfaat dalam meneliti sebuah karya sastra klasik arab seperti karya KWD. Pendapat ini sejajar dengan pandangan mengenai teori *Strukturalisme* yang dikatakan menitikberatkan unsur-unsur dalaman yang membentuk struktur teks serta membantu dalam memahami makna kata dan kalimat dengan lebih baik (Faḍl 1998). Seterusnya pendekatan pembinaan akhlak yang dibawa oleh Al-Imam al-Ghazali r.a diketengahkan dalam kajian bagi memperjelas setiap unsur nilai murni yang terkandung dalam karya KWD secara terperinci. Gabungan antara konsep semantik oleh Ferdinand De saussure dengan pendekatan pembinaan akhlak yang diperkenalkan oleh Al-Imam al-Ghazali r.a dalam kajian ini akan merungkai dengan jelas setiap aspek nilai murni yang tersirat dalam karya KWD.

Secara teorinya, hasil analisis diharapkan dapat memberi interpretasi yang jelas mengenai makna teks menerusi kajian terhadap unsur dalaman yang membina karya dalam karya KWD. Manakala secara amali, diharapkan hasil kajian ini sekaligus dapat memperkasa khazanah kesusasteraan Arab iaitu dengan mengetengahkan prosa Arab sebagai salah satu medium yang turut berperanan dalam membentuk jiwa dan akhlak masyarakat melalui nilai murni yang tersirat di dalamnya.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim.

Abdul Latiff Abu Bakar (2012). *Jati diri Dan Patriotisme Berpaksikan Sejarah, Perlembagaan Dan Dasar Kerajaan*. Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Abrams, M. H., & Harpham, G. G. 2004. *A Glossary of Literary Terms*. pnyt. J. M. Flaherty. Ed. Ke-11(8). Boston, MA 02210, USA: Cengage Learning. <http://doi.org/10.2307/354930> [23 Julai 2015].

Abu al-Khashāb, Ibrāhīm °Ali. 1966. *Tārīkh al-Adāb al-°Arabi Fi al-°Aṣr al-°Abbāsī al-Awwal*. Qaherah: Dar al-Fikr al-°Arabi.

Abu Khuḍārī, °Arif Karkhī. 2007. *Al-Lughah al-Shi°r fī Majāl Ta°līmī*. <http://www.allesan.org.my.html> [6 April 2008].

Al-Albānī, Muhammad Nāṣir Al-Din. 1414H/1994. *Sahih al-Adab al-Mufrad Li Al- Imam al-Bukhari*. Beirut: Maktabah al-Dalīl.

Amīn, Ahmad. 1351H/1933. *Ḍuḥā al-Islām*. Jil. 1. Ed. ke-7. Qaherah: Maktabat al-Nahḍah al-Miṣriyyah.

Al-Aṣbahānī, Abū Al-Farraj. 1956. *Al-Aghānī*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-°Ilmiyyah.

Al-Baghdādī, Safiyy Al-Din °Abd Al-Mu°min bin °Abd Ishāq. 1373H/1954. *Marāṣid Al-Itḥilā° °Ala Asmā° Al-Amkinah Wa Al-Baqā° (Mukhtaṣar Mu°jam Al-Buldān Li Yāqūt)*. pnyt. °Ali Muḥammad Al-Bajāwī. Jil.2. t.tp: Dar Ahya° Al-Kutub Al-°Arabiyyah.

Al-Baghdādī, Safiyy Al-Din °Abd Al-Mu°min bin °Abd Ishaq 1373H/1954. *Marasid Al-Ittila° °Ala Asma° Al-Amkinah Wa Al-Baqā° (Mukhtasar Mu°jam Al-Buldan Li Yaqut)*. pnyt. °Ali Muhammad Al-Bajawi. Jil.3. t.tp: Dar Ahya° Al-Kutub Al-°Arabiyyah.

Baydabā. t.th. *Kalīlah & Dimnah*. terj. °Abdullah bin Al-Muqaffa°. Beirut: Al-Maktabah al-Thaqāfiyyah.

Barakāt, Fatin Sālim. 2010. Mada Tawāfir Al-Qiyam Fī °Ainat Min Qiṣaṣi Al-Aṭfāl Fī Sūriyyah. *Majallat Jāmiyah Dimasyq- Kulliyah Tarbiyah* 26(3): 193–234.

Bertens, K. 2007. *Etika*. Terj. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.

Burhan, N. 1995. *Teori Pengkajian Fiksi*. Yogyakarta: Gajah Mada Press.

Burton, M., & Burton, R. 2002. Crow- London: The International Wildlife Encyclopedia. B.P.C. Publishing.

- Chaer, Abdul. 2007. *Linguistik Umum*. Jakarta: Penerbit Rineka Cipta.
- Chin, K. 2009. *Kura-kura Sebagai Sumber Ide Dalam Penciptaan Karya Lukis*, Universitas Sebelas Maret Surakarta.
- Cory, Hugh. 2002. *Advances Writing With English In Use*. New York: Oxford University Press, 76.
- Culler, Jonathan. 1986. *Ferdinand De Saussure. Revived Edition*. New York: Cornell University Press.
- Davies, D. J. 2003. Talking to the animals. *Al-Ahrām* 19-25 Jun. 643.
- De Saussure, Ferdinand. 2011. *Course In General Linguistics*. Terj. Wade Baskin. Pnyt. Perry Meisel & Haun Saussy. New York: Columbia University Press.
- Dihini, Maahmud. t.th. *Tadhawwuq Al-Adab: Turuquhu wa Wasā'īluhu*. Mesir: Maktabah al-Anjū al-Miṣriyyah.
- Durrah Nafisah. 2011. Peningkatan Pemahaman Unsur Intrinsik Pada Cerpen Melalui Metode Kooperatif Tipe Student Teams Achievement Division (Stad). Tesis Sarjana Pendidikan, Fakultas Ilmu Tarbiah Dan Keguruan, Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Faḍl, Ṣolāh. 1998. *Nazariyyah Binā'īyyah Fī Al-Naqdī Al-Adabi*. Shari^c Sibawayh Al-Miṣr Madinah Naṣr: Dar Al-Shuruq.
- Al-Fayṣal, Samar Rūḥī. 1998. *Adab al-Aṭfāl Wa Thaqāfatuhum*. Dimasq: Manshurat Ittihād Al-Kuttāb al-^cArab.
- Al-Fakhuri, Hanna. 1411H/1991. *Al-Mūjiz fī al-Adāb al-^cArabī wa Tārīkhihi*. Jil. 2. Beirut: Dār al-Jīl.
- Fathur Rohman Arifin. 2012. Konsep dan Metode Pendidikan Akhlak dalam Lingkungan Keluarga Perspektif Imam al-Ghazali, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan Jurusan Kependidikan Islam UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta.
- Feraliza. 2013. Analisis Karakter Tokoh Novel Tiga Matahari karya Prito Windiarso. Universitas Maritim Raja Ali Haji, Tanjung Pinang.
- Gay, Lorraine Rumbel. 1996. *Educational Research*. New York: Merrill.
- Al-Ghazālī, Al-Imām Abī Ḥamīd Muḥammad bin Muḥammad. t.th. *Ihyā' ^cUlūm al- Dīn*. Jil.3. Beirut, Lubnan: Dār al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- Al-Ḥalū, Susan Na^cim As^cad. 2006. Hikāyah al-Hayawān Fi al-Nathr al-^cArabiy Fī al-Khāmis al-Hijrī. Tesis Ph.D, Al-Jāmi^cah Al-Urduniyyah, Jordan.

- Al-Hamawī, Al-Imām Shihāb Al-Dīn Abī ʿAbdillāh Yāqūt. 1991. *Muʿjam al-Udabāʾ*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Al-Hamawī, Al-Imām Shihāb Al-Dīn Abī ʿAbdillāh Yāqūt. 1991t.th. *Muʿjam al-Buldān*. Jil.2. Beirut: Dār Ṣādir.
- Hamdani Rizal & Saifuddin Zuhri. 2006. Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan Akhlak. *SUHUF* November Vol. XVIII(2):166-181.
- Al-Hamdhani, Rashid Al-Din Fadallah. 1960. *Jamiʿ Al-Tawarikh. Tarikh Al-Moghul*. Terj. Muhammad Sadiq Nashaʿat. Jil. 2. Mesir: Dar Ihyaʾ Al-Kutub al-ʿArabiy.
- Hancock, Zennia Desiree. 2004. The Spanish Shahrazad And Her Entourage: The Power Of Storytelling Women In Libro De Los Enganos De Las Mujeres. Phd, University of Maryland.
- Al-Ḥāyik, Amina Khālid. 1990. *Al-Qiyam Fi Qiṣaṣ Al-Aṭfāl Al-Urduniyyah*. The Hashemite Kingdom Of Jordan: Yarmouk University.
- Al-Ḥurr, ʿAbd al-Majid. 1412H/1992. *Ibn al-Rūmī: ʿAṣruhu-Ḥayātuhu-Nafsiyyāuhu-Fannuhu Min Khilāli Shiʿrihi*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn al-Muqaffaʿ, ʿAbdullah. t.th. *Kalīlah wa Dimnah*. Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh.
- Ibn Khaldūn, ʿAbd al-Raḥman bin Muḥammad bin Khaldūn Al-Khaḍramī. 1391H/1971. *Tārīkh Ibn Khaldūn*. Beirut: Muʿassasat Al-ʿAlamī.
- Ibn Khurdadhabah, Abī Al-Qāsim ʿUbaidillāh bin ʿAbdullah. t.th. *Al-Masālik Wa Al-Mamālik*. Baghdad: Maktabah Al-Mathna.
- Ibn Nadīm, Muḥammad bin Ishāq. t.th. *Al-Fahrasāt*. Terj. Beirut: Dār al-Maʿrifah Li al-Ṭibāʿah wa al-Nashar.
- Ilyās, Mahdi. 2008. Al-Shiʿr al-Taʿlīmī. <http://djelfa.info/vb/archive/index.php/t.html> [15 Jun 2009].
- Imil Badī ʿYaʿcob. 1411H/1991. *Al-Muʿjam al-Mufaṣṣal fī ʿIlmi ʿArūḍ wa al-Qāfiyah wa Funūn al-Shiʿr*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ismail, Dj. 1998. *Hikayat Kalilah Wa Dimnah*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Ismail Hamid. 1992. *Asas Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ʿIwaḍ, ʿAʿidah. 1982. *Dirāsah Taḥlīliyyah Lī al-Qiyam al-Saʿidah Fī Qiṣaṣi al-Aṭfāl al-Maujūdah Min Qibali Kitāb Urubiyyin Fi al-Muddah Mā Baina 1950-1980*.

ʿIzz al-Din Ismaʿīl. 1975. *Fi al-Adab al-ʿAbbāsi: al-Ru'yah wa al-Fan*. Beirut: Dar al- Nahḍah al-ʿArabiyyah.

Mūdūr, Jamil. 1902. *Haḍārat Al-Islam Fī Dār Al-Salām*. t.pt. t.tp.

Jasūl, Aḥmad. 2000. *Kalīlah Wa Dimnah Li Ibn Muqaffa' Wa Mā Fīhā Min Balāghat Al- Tashbih*

Kamal Yusof. 2009. Teori Sastera. t. pt.: t.tp.

Kamariah, Kamaruddin. 2009. Antara Komersialisme Dengan Intelektualisme dalam Novel Getaran Rindu. *Jurnal Pengajian Akademi Pengajian Melayu* Jilid 20, Disember: 99-118.

Khairani Zakaria. 2012. Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali : Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah . *Jurnal ATIKAN* 2(1):79-94.

Khairunisah Syed Ibrahim. 2008. Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka Bahasa Melayu-Bahasa Jerman: Satu Analisis. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Khalīfah, Ḥasan. 1931. *Al-Daulah al-ʿAbbāsiyyah: Qiyāmuhā Wa Suqūṭuhā*. Qaherah: Al-Fajjālah.

Kridalaksana, Harimurti (pnyt). 2005. *Mongin-Ferdinand De Saussure: Peletak Dasar Strukturalisme Dan Linguistik Modern*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.

Latifah Abdul Majid, Wan Nasrudin Wan Abdullah & Nurul Hidayah Ahmad Zakhi. 2012. Penerapan Nilai Murni Dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 51-65.

Lunde, P. 1972. Saudi Aramco World Kalila Wa Dimna. *Jurnal Saudi Aramco World*, 23(4), 18–21.

Mahadhir Radzi. 2008. Kalilah Wa Dimnah dari sudut pandangan Teori Persuratan Baru. <http://my/2010/05/kalilah-wa-dimnah-dari-sudut-pandangan.html> [4 Jun 2014].

Majid, L. A., Abdullah, W. N. W., & Zakhi, N. H. A. (2012). Penerapan Nilai Murni Dan Pembentukan Jati Diri Kanak-kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia. *Jurnal Hadhari Special Edition- FPI, UKM*, 51–65.

Mana Sikana. 1983. *Sastera Islam di Malaysia*. t.tp: Sarjana.

Marroum, Marianne. 2011. Kalila wa Dimna- Inception, Appropriation, and Transmimesis. *Comparative Literature Studies*, 48(4), 512–540.

- Marzuki Haji Mahmood. 1988. *Krisis Tamadun Barat Dan Penyelesaian Islam* Muadzam Shah: Darul Nadwah.
- Al-Maqdīsī, Abū °Abdullah Muḥammad bin Aḥmad. 1877. *Ahsān al-Taqaṣim*.t.pt.: t.pt.
- Al-Maqdīsī, Anis. 1946. *Umarā' al-Shi'r al-°Arabi Fī al-°Aṣr al-°Abbāsī*. Ed. ke-3. t.pt.: t.pt.
- Merriam, Sharan B. 2009. *Qualitative Research A Guide To Design And Implementation*. Ed. ke-2. San Francisco: Jossey Bass A Wiley Imprint, 989 Market Street.
- Mohd. Shahrizal Nasir. (2011). Manhaj Sastera Islam Menurut Kaca Mata Shaykh Abu al-Hasan °Ali al-Nadwi. *Jurnal DINIKA*, 9(2): 179–195.
- Mohd. Yusof Hasan. 2012. *Jati Diri Dan Patriotisme Berdasarkan Nilai-Nilai Murni Global*. Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Al-Mona, Untha Nail. (2008). Al-Naqad °An Tarjamat Riwayah °Affāf Qiṣṣatun Hadifatun° Lī Ummi Hassān Al-Halu Ila al-Lughatil Indunisia. Tesis, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Muhardi & Hasanuddin WS. 1992. *Prosedur Analisis Fiksi*. Padang: IKIP.
- Al-Munjid Fī Al-Lughah Wa Al-°lām*. 1992. Ed. ke-33. Beirut: Al-Maktabah Al- Sharqiyyah.
- Murawwah, Muḥammad Redha. 1411H/1990. °Abdullah Ibn al-Mu°taz: *Khalīfah Yauma wa Lailah*. Beirut: Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah.
- Musa, I. A., Otunuyi, A. K. T., & Ahmed, A. F. (2012). *Introducing Arabic Stories*. Lagos: National Open University Of Nigeria.
- Muṣṭaffa, Maḥmud. 1356H/1937. *Al-Adāb al-°Arabi wa Tārīkhīhi*. Jil. 2. Qaherah: Al-Bab al-Halabi.
- Al-Nadwī, Abu Hassan °Ali. 1985. *Al-Adab Al-Islāmi Wa Sillatuhu Bi Al-Hayāh*. Beirut: Muassasat Al- Risālah.
- Najjād, Ramaḍān °Azīz. 1967. *Kalīlah Wa Dimnah Wa Anwār Al-Suḥayli: Dirāsah Muqāranah*. Beirut: Al-Jāmi°ah Al-Amīrikiyyah.
- Nurhasma Muhamad Saad, Kartina Kamaruzaman & Rosni Samah. 2012. *Fungsi Cerita Binatang Dalam Sastera Kanak-Kanak Melayu-Arab*. <http://www.ukm.my>. [7 Feb 2014].

- Nuryadin, A. 2008. *Nilai nilai akhlak dalam cerpen Anak Harian Kompas*. Tesis, Sarjana Pendidikan Islam, UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Oktria Ningsi, Harris Efendi Thahar & Zulfikarni. 2013. Nilai-Nilai Pendidikan Dalam Cerita Anak Terbitan Harian Singgalang Edisi Minggu Periode 2011. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra Indonesia*, 1(2): 42–49.
- Othman Khalid. 1406H/1986. *Kesusasteraan Arab di zaman Abbasiyah, Andalus dan zaman Moden*. Muadzam Shah: Darul Nadwah.
- Pateda, Mansoer. 2001. *Semantik Leksikal*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Perhimpunan Al-Hariri Shah, Amina- Octagon Press, 78 York Street, London. <http://www.ulum.nl.html> [22 Februari 2009].
- Pulungan, Y. 2008. *Analisis Wacana Pesan Moral Dalam Novel De Winst Karya Afifah Afra*. Sarjana Ilmu Sosial Islam, Universitas Islam Negeri, Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Puriyadi. 2010. Nilai Etika Dalam Kalilah Wa Dimnah Karya Ibn al-Muqaffa'. *Ilmu Usuluddin, STAIN Samarinda Dan Universitas Widyagama Samarinda* Vol 9(1), 1–23.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. 1992. *Al-Imām Al-Ghazālī Baina Madhīyyah Wa Naqidiyyah*. Ed. ke-3. Al-Mansora: Dār al-Wafa Li al-Tiba'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzī'.
- Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl Al-Dīn. 2006. *Mau'izah Al-Mukminīn Min Ihyā' 'Ulūm Al-Dīn: Intipati Ihyā' Ulumuddin: Pengajaran Bagi Orang-Orang Mukmin Imam Al-Ghazali*. Pnyt. Abu Hasan Din Al-Hafiz. Kuala Lumpur: Darul Fajr.
- Al-Rāfi'ī, Muṣṭaffa. 1968. *Haḍārat al-ʿArab fī al-ʿUṣur al-Islamiyyah al-Zāhirah*. Ed. ke- 2. Beirut: Dār al-Kitab al-Lubnānī.
- Rahmawati, Wiwin. 2004. Analisis Terjemahan Ismail Jamil dalam Hikayat Kalilah Wa Dimnah Karya Ibn Muqaffa. *Institutional Repository UIN Syarif Hidayatullah Jakarta*. Jakarta : UIN Syarif Hidayatullah Jakarta Indonesia. Retrieved from <http://repository.uinjkt.ac.id/dspace/handle>. Html [3 Jun 2014].
- Raihan Marzuki. 2016. Al-Shi'ar Al-Ta'limi, Penyumbang Kepada Perkembangan Ilmu Pada Zaman Abbasi: Satu Tinjauan. *Issues in Language Studies* Vol 5(1):1-26.
- Rajantharan, M. & Subramaniam, M. 2012. *Jati Diri Mengikut Kacamata Budaya Masyarakat India*. Siri Penyelidikan dan Penerbitan Institut Peradaban Melayu Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Ratna Roshida Ab. Razak, & Aiza Maslan@Baharudin. 2010. Ketinggian Bidang Terjemahan Sebagai Satu Manifestasi Bangsa Berilmu: Pengajaran Dari Tamadun Awal Islam. *Jurnal Peradaban Pusat Dialog Peradaban*, 3(2): 17-35.
- Rejeyanti. 2011. *Analisis Pesan dan Peristiwa Cerita Nabi Nuh a.s dalam Al-Quran*. Tesis, Universitas Sumatera Utara.
- Richards, J., Platt. J. & Weber. H. 1986. Longman Dictionary of Applied Linguistics. *RELC Journal*. 17(2): 105-110.
- Rivkin, Julie & Ryan, Michael (pnyt). 2004. *Literary Theory: An Anthology*. Ed. ke-2. USA: Blackwell Publishing.
- Al-Said Shanūqah. 2008.. *Fi Manhaj al-Salaf wa Aliyah Ta'limi al-^oArabiyyah bi al-Manzūmāt al-Shi'riyyah. Majallah ^oUlum al Insaniyyah*.<http://www.ulum.nl.html> [22 Februari 2009].
- Sāleh Adam Bilu.2006. *Al-Shi'r al-Ta'limī*. <http://www.almaktabah.net.html> [10 Januari 2008].
- Al-Suyutī, Al-Imām Al-Hāfiz Jalāl al-Dīn ^oAbdul Rahman bin Abī Bakr. 1389H/1969. *Tārīkh Al-Khulafā'*. Ed. ke-4 Qaherah: Matba'ah Al-Fajālah al-Jadīdah.
- Semi, M. Atar. 1988. *Anatomi Sastra*. Padang: Angkasa Raya.
- Seyyed Hossein Nasr & Mehdi Aminrazavi. 2007. *An Anthology of Philosophy in Persia. From Zoroaster to Umar Khayyam*. Tauris in association with The Institute of Ismaili Studies. <http://www.www.muslimheritage.org/astrolabe.html> [16 Jun 2008].
- Shalabī, Aḥmad. 1970. *Al-Tārīkh al-Islāmī wa al-Ḥaḍārah al-Islāmiyyah*. Jil.3. Ed. ke-4. Qaherah: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah.
- Dayf, Shawqī. 1965. *Al-Fan wa Madhāhibuhu fī al-Naṣr al-^oArabī*. Ed. ke-8. Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- Dayf, Shawqī. 1966. *Tārīkh al-Adāb al-^oArabī: Al-^oAṣru al-^oAbbāsī al-Awwal*. Ed. ke-8. Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- Shammas, ^oIsa. 1987. *Al-Qiṣṣah al-Ṭīflah Fī Sūriyyah Dirāsah Tahlīlīah Li al-Qiam al-Tarbawīyyah Fīhā*.
- Ṣīnī, Maḥmūd Ismā'īl. 1996. *Mu'jam al-Amthilah al-^oArabiyyah*. Beirut: Maktabah Lubnān.
- Al-Subāyil, Wafa Ibrāhīm. (2007). *Animal Fables between " Panchatantra (Kalila wa Dimna)" and " Tales of Aesop "-A Literary Study*. Sa'udi: Al-Imam Muhammad Ibn Sa'ud Islamic University.

- Syed Arabi Idid. (2002). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Teeuw, A. 1984. *Sastra Dalam Ilmu Sastra: Pengantar Teori Sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Al-Thubaiti, Nuwair Naşir. 2006. *Tanawwu^c Al-Ada' Al-Balāghi Fi Adab Ibn Al-Muqaffa^c*. Jil. 1. Al-Mamlakah Al-^cArabiyyah Al-Sa^cūdiyyah: Jami^cat Ummu Al-Qur
- Al-Tunji, Muḥammad. 1413H/1993. *Al-Mu^cjam al-Mufaṣṣal fi al-Adāb*. Beirut: Dar al-Kutub al-^cIlmiyyah.
- Umar, Ahmad Mukhtar. 2000. *Ilmu al- Dilālah*. Beirut: Dār al-Kutub.
- Wagiman, S. 2013. Program Wadi Ilmu: Pengurusan Persekitaran Pesisir Pantai.
- Wahbah, Majdi. 1984. *Mu^cjam al-Muṣṭalahāt al-^cArabiyyah Fī al-Lughat wa al-Adāb*. Ed. ke-2. Beirut: Maktabah al-Lubnan.
- Yulianingrum, Anne. 2000. *Perbandingan alur Kalilah wa Dimnah versi Arab dan versi Melayu*. Tesis Sarjana Sastera. Universiti Indonesia, Depok.
- Zahara, R. S. 2012. *Deiksis Dan Pemahaman Teks Narasi Bahasa Arab (Telaah Novel al-Karnak Karya Najib Mahfuz*. Tangerang Selatan: Lembaga Studi Islam Progresif LSIP.
- Zahari Musa. 2014. Privasi Rumah Kediaman dalam perundangan Islam sebagai langkah pencegahan kepada Keganasan Domestik. *Jurnal Perspektif*, 5(1): 53–65.
- Zakaria, K. 2012. Kaedah Pembangunan Akhlak Remaja Menurut Imam al-Ghazali: Aplikasinya dalam Program Tarbiah Sekolah-sekolah Menengah Aliran Agama Berasrama di Negeri Kedah. *Jurnal Atikan* (Vol. 2).
- Zakariyya, Hishām Zakariyya. t.th. *Faḍlu Al-Haḍārah Al-Islāmiyyah Wa Al-^cArabiyyah Ala Al-^cAlam*. Al-Qaherah: Al-Fajjālah.
- Al-Zayyāt, Aḥmad Hassan. 1419H/1999. *Tārīkh al-Adāb al-^cArabī*. Ed. ke-5. Beirut: Dar al-Ma^crifah.
- Zulkiple Abd Ghani, Nor Salimah Abu Mansor. 2006. *Penghayatan Agama Sebagai Asas Pembangunan Pelajar : Analisis Terhadap Beberapa Pandangan Al-Imam Al-Ghazali*. National Student Development Conference, 8-9 Ogos.